

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

11 WARTAWAN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DI AMP 2018 NEGERI SARAWAK

Media Prima bolot hampir kesemua Tempat Pemenang Dalam Kategori Media Cetak dan Elektronik AMP CIDB 2018

Sarawak, 20Oktober 2018: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini,meraikan kecemerlangan 11 wartawan dan jurugambar di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018 (AMP 2018), Negeri Sarawak. Kategori Media Cetak & Portal Berita dan Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dibolot oleh Kumpulan Media Prima.

Anugerah yang disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Baru Bian, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya dan AMP CIDB 2018, dihadiri oleh lebih daripada 100 wartawan dan jurugambar di negeri Sarawak bagi meraikan pengiktirafan terhadap sumbangan dan peranan penting mereka dalam industri pembinaan.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada media yang telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap industri pembinaan dan inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia menerusi Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

“Seperti yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 baru-baru ini, projek-projek infrastruktur di Sarawak akan diteruskan dan dipertingkatkan. Sehubungan itu, pihak media mempunyai peranan penting dalam mendidik orang ramai di samping memastikan perkembangan industri pembinaan negara secara berterusan melalui kupasan dan laporan secara konsisten dan berkualiti,” katanya.

Hadir sama dalam acara tahunan KKR dan agensi di bawahnya itu adalah, Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Baru Bian, Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir, Ketua Setiausaha Kerja Raya, Dato’ Sri Zohari Haji Akob dan Ketua Eksekutif CIDB, Dato’ Ahmad ‘Asri Abdul Hamid.

Bagi kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), tempat pertama dimenangi oleh Borneo Post menerusi wartawannya, Rachel Lau Ker Qing dengan karya bertajuk *‘China’s Belt & Road : What’s in it for Malaysia?’*. Manakala tempat kedua dimenangi Kumpulan Media Prima, Berita Harian menerusi wartawannya Mohd Latif Ahmad dan Muhd. Amirul Faiz Ahmad. Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai beserta sijil dan trofi.

Manakala bagi kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian, tempat pertama dimenangi oleh RTM Sibul menerusi wartawannya, Ruth Ampong & Johnny Bilon menerusi liputannya, *‘Pan Borneo Jajaran Sungai Awik’*. Sementara tempat kedua dan ketiga juga Kumpulan Media Prima, TV3 Sarawak menerusi liputan berita *‘Jalan Pesisir Nadi Baharu Laluan Darat Sarawak’* dan *‘Nafas baru menaik taraf sekolah pendalaman’*.

Walau bagaimanapun, bagi kategori Fotografi hanya terdapat dua tempat pemenang, yang dimenangi oleh The Star bagi tempat pertama menerusi jurugambarnya Zulazhar Sheblee, dengan gambarnya yang bertajuk *‘Into the Sunset - A view of the Pan Borneo’* disusuli oleh jurugambar Bernama Kuching, Muhamad Razali Nordin bagi tempat kedua dengan gambarnya yang bertajuk *‘Empangan Bakun Diserah Kepada Kerajaan Negeri’*.

Kedua-dua pemenang masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai beserta sijil dan trofi.

CITP merupakan agenda nasional yang bertujuan untuk memperkasakan industri pembinaan Malaysia menjadi lebih moden, berproduktiviti tinggi dan mampan melalui empat teras strategik utamanya, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampanan Alam Sekitar; Produktiviti dan; Pengantarabangsaan.

Oleh sebab itu, kesemua penyertaan AMP CIDB yang dinilai perlulah berkisar tentang CITP dan industri pembinaan. Penyertaan terbuka kepada semua wartawan arus perdana di tiga lokasi liputan iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Setiap kawasan liputan terdapat tiga kategori yang dipertandingkan iaitu: Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana), Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dan Kategori Fotografi.

Pada tahun ini, antara liputan media yang diiktiraf di AMP CIDB 2018 Sarawak merangkumi topik-topik berasaskan pembinaan di negeri Sarawak seperti penjanaan kuasa, Lebuhraya Pan-Borneo dan Empangan Bakun. Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak& Portal Berita (Berita & Rencana):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama(RM5,000)	Rachel Lau Ker Qing	Borneo Post	China's Belt & Road : What's in it for Malaysia?
Kedua (RM3,000)	Mohd Latif Ahmad	Berita Harian	Sarawak pantau projek lewat, terbengkalai
Ketiga (RM2,000)	Muhd Amirul Faiz Bin Ahmad	Berita Harian	Sarawak teraju utama penjanaankuasa

B. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Ruth Ampong & Johnny Bilon	RTM Sibu	Pan Borneo Jajaran Sg. Awik
Kedua (RM3,000)	Kadir Anak Edison & Farizan Bin Jalal	TV3 Sarawak	Jalan pesisiran di baharu laluan darat Sarawak
Ketiga (RM2,000)	Abu Zaidi Bin Abu Bakar & Kadir Anak Edison	TV3 Sarawak	Nafas baru menaiktaraf sekolah pendalaman

C. Kategori Fotografi:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Zulazhar Sheblee	The Star	Into the sunset - A view of the Pan Borneo
Kedua (RM3,000)	Muhamad Razali Bin Nordin	Bernamea	Empangan Bakun diserahkan kepada kerajaan negeri

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

CIDB Malaysia

Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 012-620 0360 / 03-4047 7018

Mansor Ahmad mansor.ahmad@cidb.gov.my 012-386 4997 / 03-4047 7018

Disediakan bagi pihak CIDB oleh NagaDDB Tribal:

NagaDDB Tribal

Putri Adlina putri.adlina@nagadbtribal.com.my 013 – 357 9055

Kristine Yap kristine.yap@nagadbtribal.com.my 017 – 333 3637

#####